


NewspaperSG

Shakir kekal unggul walau kurang latihan

Berita Harian, 1 July 2010, Page 18

 Article also available on Microfilm Reel NL30725

Printer-Friendly Page

Shakir kekal unggul walau kurang latihan

*Pertahan kejuaraan
tahun lalu apabila
pencabar
'campak tuala'*

SILAT

Oleh :

SAPARIN RASIKIN *saparin@sph.com.sg*

PENGALAMAN dan kekuatan azam membantu Muhd Shakir Juanda mengimbangi kekurangan latihan untuk kekal bergelar juara.

Anggota Perkhidmatan Negara dalam pasukan Polis ini, yang hanya dapat berlatih pada hujung minggu, membuktikan dengan mengekalkan keunggulannya di Keiohanan Silat Nasional di De-

 Scroll to Top

wan Sukan Jurong East baru-baru ini.

Shakir, 21 tahun, yang mewakili Seni Grasio bukan saja mudah memenangi acara tanding Kelas G (75-80 kilogram), bahkan dinobatkan sebagai Pesilat Senior Terbaik.

Dalam pertarungan akhir, beliau menang mudah ke atas Nooradzuan Hussein apabila pesilat dari Seligi Tunggal Angkatan itu 'mencampakkan tuala' pada pusingan kedua sebagai tanda mengaku kalah pada pusingan kedua.

"Saya bersyukur kerana selain mengekalkan kejuaraan, saya juga dipilih sebagai Pesilat Terbaik buat tahun kedua berturut-turut," jelas Shakir semalam.

"Sebenarnya, saya memang berazam untuk mengulangi kejayaan selepas menang tahun lalu. Kini azam tersebut sudah tercapai dan ia membakar lagi semangat saya untuk mengulangi kejayaan saya pada tahun depan."

Shakir, pemenang pingat perak Sukan SEA Laos tahun lalu, menerangkan: "Sebenarnya saya agak bimbang tidak dapat mengekalkan kejuaraan kerana latihan yang terhad pada hujung minggu.

"Bagaimanapun, berkat azam yang kuat dan pengalaman yang ada, saya dapat mengatasi kekurangan latihan untuk mengecap kejayaan manis ini."

Mengulas pertarungan akhir itu, Shakir memberitahu bahawa Nooradzuan kelihatan ghairah dan agresif pada pusingan pertama.

"Pengalaman membantu saya tetap fokus dan berjaya menjatuhkannya beberapa kali dan pada pusingan kedua beliau mencampakkan tuala sebagai tanda tidak mahu meneruskan pertarungan," ujarnya.

Shakir, yang hanya akan tamat latihan Perkhidmatan Negara pada September ini, berharap mendapat tempat mewakili negara dalam Kejohanan Dunia pada lewat tahun ini nanti.

"Buat masa ini saya belum pasti ten-

^ Scroll to Top

tang kecekapan saya dalam skuad nasional tetapi saya tetap menaruh harapan dapat terus mewakili negara," tambahnya.

Sementara itu, Nur Shafiqah Sheikh Alauddin, juga dari Seni Grasio, muncul sebagai Pesilat Junior Terbaik selepas mengalahkan Nurul Amira Azman dari Sekolah Sukan Singapura dalam final Kelas G perempuan.

Pesilat berbakat ini memenangi tiga emas dan satu perak untuk meraih kejayaan cemerlang.

Pesilat Terbaik bagi kategori prajunior dimenangi oleh Nur Amelina Md Sharom, juga dari Seni Grasio yang mem-


bolot dua pingat emas dan satu perak.

Kejayaan tiga pesilat ini telah membantu Seni Grasio menjadi juara keseluruhan dengan memenangi 31 emas, 22 perak dan 11 gangsa, diikuti oleh Sekolah Sukan Singapura dengan 11 emas, enam perak dan enam gangsa serta Seligi Tunggal Angkatan yang menang 10 emas, 16 perak dan 18 gangsa.

Sebanyak 23 pasukan menyertai kejohanan tahun ini, termasuk dalam acara seni.

’ Bagaimanapun, berkat azam yang kuat dan pengalaman yang ada, saya dapat mengatasi kekurangan latihan untuk mengecap kejayaan manis ini... Pengalaman membantu saya tetap fokus dan berjaya menjatuhkannya beberapa kali dan pada pusingan kedua beliau mencampakkan tuala sebagai tanda tidak mahu meneruskan pertarungan.

– **Muhd Shakir Juanda, yang mengekalkan kejuaraannya dalam Kelas G.**



TERBUKTI GAGAH: Muhd Shakir Juanda dari Seni Grasio (*kiri*) menang mudah ke atas Nooradzuan Hussein dari Seligi Tunggal Angkatan untuk mengekalkan gelaran Kelas G. – Foto-foto ISMADI HUSSAIN

^ Scroll to Top

Foto-foto ISMADI HUSSAIN



^ Scroll to Top

SRIKANDI BERBAKAT: Nur Shafiqah Sheik Alauddin (*kiri*) dari Seni Grasio menjatuhkan lawannya dari Sekolah Sukan Singapura, Nurul Amira Azman, dalam perlawanan junior perempuan kelas G.

KEDUDUKAN PINGAT

Pasukan	Emas	Perak	Gangsa
Seni Grasio	31	22	11
Sekolah Sukan Singapura	11	6	6
Seligi Tunggal Angkatan	10	16	18
Sendeng Pukulan	5	2	8
Alhaq	4	0	3
Warisan Pendita Suci	3	5	7
Setia Hati ESHA E	3	2	6
Sunda Pajajaran	3	1	4
Seni Silat Gayong Perwanit	2	3	2
Silat Bandangan Asli	2	1	3
Seni Pencak Warisan	1	1	2
Singa Yudha	1	1	2
Gerak Bayangan	1	0	1
Cekak Serantau	0	6	7
Tjimande Singapura	0	5	1
Seni Silat Pukulan	0	2	5
Benteng Diri Singapura	0	2	4
Macan Pasrah	0	2	2
Perguruan Silat Seni Gayong	0	0	4
Asad Singapura	0	0	0
Jaka Sakti	0	0	1
Seligi Tunggal Kemuning	0	0	0
Sendeng Seturut	0	0	0